



KENYATAAN AKHBAR
PROGRAM PENDEDAHAN BELIA-BELIA YANG BERPOTENSI UNTUK MENCEBURI BIDANG PERTANIAN
BERTEKNOLOGI TINGGI KALI KE-7
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

Hari Selasa 3 Ramadhan 1443H bersamaan 5 April 2022
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengungkapahkan 'Program Pendedahan Belia-Belia Yang Berpotensi Untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi Kali Ke-7' secara hibrid, sepanjang bulan Ramadhan ini bermula dari 5 April 2022 dan dijalankan setiap hari Selasa dan Khamis sehingga 26 Mei 2022. Program ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan yang bertujuan untuk meningkatkan minat orang ramai, khususnya dari kalangan belia bagi menceburkan diri ke dalam sektor pertanian.

Program ini adalah merupakan salah satu inisiatif Jabatan dalam mendukung Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2016-2022, yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan keluaran sektor pertanian. Objektif program ini adalah untuk menarik minat untuk berkecimpung dalam bidang pertanian dan mendedahkan perusahaan pertanian sebagai satu perniagaan menguntungkan khususnya dalam bidang industri tanaman menggunakan sistem teknologi tinggi bagi meningkatkan hasil keluaran pertanian.

Program ini dibahagikan kepada sesi taklimat dan sesi lawatan ke ladang-ladang syarikat pengusaha tempatan dengan memberikan fokus kepada beberapa sistem dan teknologi pengeluaran yang bersesuaian dengan kemampuan para peladang belia. Antara tajuk taklimat yang akan disampaikan adalah latihan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan tidak bermusim dengan menggunakan teknologi tinggi seperti teknik penanaman sistem fertigasi, latihan pengurusan kewangan dan juga peluang-peluang pelaburan di bidang industri tanaman.

Melalui program ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan cuba untuk menarik minat belia-belia termasuk mereka yang lepasan daripada IPT (Institusi Pendidikan Tinggi) dengan melibatkan dukungan dari keluarga masing-masing dari segi modal, untuk menggalakkan anak-anak mereka menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Bagi menjayakan program ini, ianya turut melibatkan kolaborasi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama agensi-agensi kerajaan lain dan institusi-institusi kewangan yang berkenaan. Dengan adanya program ini, diharap ianya akan dapat meningkatkan pengetahuan yang menyeluruh dan akan dapat mencapai objektif bagi melahirkan para usahawan-usahawan belia pertanian yang komited, progresif dan produktif bagi sama-sama mendukung pembangunan sektor pertanian di Negara ini dan seterusnya menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Para belia yang berminat bolehlah menghubungi Bahagian Industri Tanaman dan Kemajuan Pertanian Daerah, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di talian 2470400, 2388095, atau 2382822. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang www.agriculture.gov.bn atau laman sosial Instagram @agriculture.gov.bn.

Disediakan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Hari Khamis, 26 Rabiulakhir 1443/02 Disember 2021